



## PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

### JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang terdiri daripada ANAK NEGERI SELANGOR yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan kontrak seperti berikut:

#### 1. JAWATAN

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN
A.	PEMBANTU PENGUATKUASA	KP19	KONTRAK

#### 2. BUTIRAN PERMOHONAN:

- Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan Borang (PTGS/BKP-2016) yang boleh diperolehi melalui laman sesawang <http://ptg.selangor.gov.my/> ;
- Semua borang permohonan hendaklah dilengkapkan dan disertakan **salinan sah** Kad Pengenalan, Sijil Lahir, Sijil-sijil Persekolahan, kelulusan akademik beserta sekeping gambar berukuran passport;
- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil ke sesi temuduga;
- Tarikh tutup permohonan adalah pada **24 Julai 2017 (Isnin) Jam 5.00 petang**;
- Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
- Sila kemukakan permohonan ke alamat berikut:

**PENGARAH**  
**PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR**  
**TINGKAT 4, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,**  
**BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,**  
**40576 SHAH ALAM**  
**(U/p: Unit Perkhidmatan/Perjawatan)**

**A. JAWATAN : PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19**  
**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**  
**JADUAL GAJI**

<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>	<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>
<b>RM 1,360.00</b>	<b>RM 4,052.00</b>	<b>RM 100.00</b>

### **SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia kelahiran Selangor atau ibu atau bapa dilahirkan di negeri Selangor atau telah bermastautin di negeri selangor selama lebih 15 tahun serta mendapat pengesahan daripada Penghulu;
- b) Berumur **18 hingga 30 tahun** pada tarikh tutup iklan;
- c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau  
(ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau  
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40); atau  
(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80).
- d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- e) Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.